

Hiasan ratusan Jalur Gemilang tanda cintakan negara

Oleh [Mohamed Farid Noh](#) - Ogos 15, 2022 @ 2:42pm
farid_noh@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Seorang pengusaha produk kayu di Kampung Bendahara, di sini, menghias rumahnya dengan ratusan Jalur Gemilang bagi menunjukkan rasa cintanya terhadap negara, menjelang Hari Kemerdekaan ke-65.

Tinjauan di kediaman Hassri Abdul Kadir, 55, mendapati ratusan Jalur Gemilang pelbagai saiz disusun dan digantung mengikut kreativiti di hadapan rumahnya.

Ia bukan sahaja mengindahkan suasana malah menyemarakkan semangat patriotik orang ramai yang melalui laluan di situ.

Hassri berkata, memang menjadi rutin dirinya selain penduduk Kampung Bendahara untuk menghias rumah dengan Jalur Gemilang menjelang Hari Kemerdekaan sejak tujuh tahun lalu.

Katanya, pada awalnya beliau dan penduduk kampung itu sekadar menyahut cabaran bagi menyertai pertandingan menghias rumah sempena kemerdekaan.

"Namun saya akhirnya jadi lebih bersemangat dan menjadikannya rutin tahunan untuk memasang Jalur Gemilang apabila tibanya bulan kemerdekaan.



Hassri hanya menggunakan kos tidak sampai RM200 ringgit. - NSTP/Nur Aisyah Mazalan



Ratusan Jalur Gemilang pelbagai saiz disusun dan digantung mengikut kreativiti di hadapan rumah. - NSTP/Nur Aisyah Mazalan

"Ia bukan sekadar untuk mengindahkan suasana malah memupuk semangat cintakan negara terutama kepada generasi muda supaya sentiasa bangga dengan negara kita.

"Sehari dua lagi, datanglah semula ke sini, nanti hampir semua rumah penduduk di sini akan dihias indah Jalur Gemilang selain replika bertema kemerdekaan," katanya ketika ditemui di kediamannya, hari ini.

Ditanya mengenai kos yang digunakan bagi menghias kediamannya dengan Jalur Gemilang, Hassri berkata, beliau hanya menggunakan kos tidak sampai RM200 ringgit.

Katanya, kebanyakannya digunakan bagi membeli Jalur Gemilang pelbagai saiz manakala bagi kayu dan batang paip PVC untuk rangka Jalur Gemilang pula adalah bahan sedia ada di rumahnya.

"Saya dan penduduk Kampung Bendahara bangga kerana usaha kami menghias kediaman dengan Jalur Gemilang dan hiasan bertema kemerdekaan ini kini sudah menjadi seperti kemestian dan rutin kami menyemarakkan Hari Kemerdekaan negara.

"Saya berharap orang ramai turut mengambil bahagian menghias kediaman mereka dengan Jalur Gemilang bagi menunjukkan semangat kasih sayang terhadap negara," katanya.



Hassri menghias kediamannya dengan memasang Jalur Gemilang pelbagai saiz untuk menunjukkan semangat patriotik bagi menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan ke-65 dan Hari Malaysia tahun ini di Kampung Bendahara, Johor. - NSTP/Nur Aisyah Mazalan